

BAB EMPAT

PENGANALISISAN DATA

BAB EMPAT

PENGANALISISAN DATA

4.0 Pengenalan

Di dalam bab empat ini, penulis akan membentangkan laporan kajian lapangan dengan menghuraikan keputusan-keputusan data yang diperolehi oleh penulis. Data-data tersebut adalah bersumberkan daripada borang soal-selidik hasil kerjasama seramai 180 responden. Di samping itu, penulis juga telah berjaya mendapatkan kerjasama daripada seramai 21 responden untuk mendapatkan maklumat menerusi sesi wawancara dengan mereka sama ada secara ringkas mahupun perbualan yang panjang lebar mengenai doktrin *Nur Muhammad*.

4.1 Borang Soal Selidik

Penulis telah menyediakan sebanyak 300 borang soal selidik untuk diedarkan kepada para responden. Walau bagaimanapun hanya sebanyak 180 borang sahaja yang telah dikembalikan kepada penulis.

Antara punca kenapa borang-borang tersebut tidak dikembalikan adalah kerana borang-borang itu telah hilang dari tangan para responden tersebut. Penulis telah berusaha supaya borang-borang soal selidik tersebut diisi pada masa

itu juga, namun kebanyakannya meminta diberikan sedikit tempoh. Oleh itu penulis telah meninggalkan borang-borang tersebut dengan memberi amanah kepada salah seorang responden. Malangnya, apabila penulis berkunjung ke tempat tersebut untuk mengumpulkannya semula, berbagai alasan diberikan dengan mengatakan belum siap, belum mempunyai masa untuk mengisinya, malahan ada responden yang telah menghilangkan borang tersebut.

Borang kajian soal selidik yang penulis sediakan adalah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.²⁷⁵ Bahagian A adalah maklumat mengenai biodata responden dari segi jantina, umur, tempat tinggal, tahap pendidikan dan kerjaya.

Pada Bahagian B pula, responden perlu menyatakan tahap pengetahuan mereka tentang Islam yang dianuti mereka. Maklumat mengenai aspek pembacaan, pengkajian dan perguruan diperolehi oleh penulis menerusi soalan-soalan yang berbentuk subjektif dan objektif.

Manakala pada Bahagian C, persoalan yang diutarakan adalah sekitar fahaman *Nur Muhammad* yang merupakan tumpuan tajuk pengkajian penulis. Semua soalan yang dikemukakan adalah berbentuk aneka pilihan. Para responden diminta menyatakan pendapat berpandukan enam pilihan jawapan yang disediakan dengan membulatkan jawapan yang menjadi pilihan responden, iaitu ;

²⁷⁵ Sila lihat lampiran F.

- 5 merujuk kepada AMAT SETUJU
- 4 merujuk kepada SETUJU
- 3 merujuk kepada KURANG SETUJU
- 2 merujuk kepada TIDAK SETUJU
- 1 merujuk kepada AMAT TIDAK SETUJU
- 0 merujuk kepada TIDAK TAHU

Dalam penguraian laporan penyelidikan pada Bab IV ini, penulis akan membentangkan keputusan analisis menerusi taburan kekerapan (*frequency*), jadual silang (*cross tabulation*) dan peratusan.

4.2 Wawancara

Dalam penyelidikan ini, penulis telah berkesempatan mewawancara seramai 21 responden. Proses ini berjalan mulai 1 Mac 2001 hingga 12 Mac 2002.

Cara wawancara yang penulis jalankan adalah terbahagi kepada dua iaitu pertamanya dengan membuat temujanji untuk sesi wawancara dengan memaklumkan terlebih dahulu tajuk wawancara iaitu berkaitan dengan fahaman *Nur Muhammad*. Justeru itu, para responden berkesempatan membuat persediaan untuk menyumbangkan maklumat kepada penulis.

Penulis juga menjalankan sesi wawancara secara tidak formal tanpa memberitahu maksud penulis iaitu untuk mendapat maklumat mengenai *Nur Muhammad*. Dalam sesi ini, penulis mengemukakan persoalan-persoalan tidak berstruktur mengenai *Nur Muhammad* secara langsung mahupun tidak langsung.

4.3 Masalah Kajian

Penulis mendapati penyelidikan mengenai kepercayaan masyarakat Kelantan terhadap fahaman *Nur Muhammad* agak rumit untuk dijalankan. Pada satu peringkat, penulis mendapati sukar untuk mendapatkan maklumat kerana ramai yang tidak tahu menahu langsung tentang fahaman ini. Tidak dinafikan ramai yang pernah mendengar kalimah “*Nur Muhammad*,” namun agak sukar untuk memberi reaksi kepada soalan-soalan penulis akibat bimbang sekiranya mereka tersilap dalam memberikan pendapat. Ramai juga daripada kalangan mereka yang diselubungi kekaburuan dan persoalan dalam diri sendiri yang tiada jawapannya kerana fahaman ini sendiri memang bersifat begitu kabur.

Terdapat juga segelintir kecil responden yang mempunyai pengetahuan yang mendalam dan pengalaman pengajian serta perguruan yang khusus berkaitan fahaman ini tetapi memutuskan untuk menyembunyikan fakta dengan pelbagai alasan yang boleh dirujuk pada bahagian laporan wawancara nanti.

4.4 Keputusan Borang Soal Selidik

Dimensi kajian pada bahagian A ini adalah menjurus kepada latarbelakang responden dari segi jantina, umur, tempat tinggal, tahap pendidikan dan kerjaya.


4.4.1 Jantina

Menerusi borang kajian soal selidik terhadap 180 responden, 56.7 % (102 orang) daripadanya adalah responden lelaki manakala 43.3 % (78 orang) adalah responden perempuan.

4.4.2 Umur

Di dalam borang soal selidik, penulis mengkategorikan umur responden kepada enam peringkat. Daripada 180 responden, 16.7 % (30 orang) daripadanya adalah berumur dalam lingkungan 15-25 tahun. Manakala 20 % (36 orang) daripadanya berumur antara 21-25 tahun. Seterusnya peringkat umur 26-30 tahun diwakili oleh sebanyak 10.6 % (19 orang).

Responden yang paling ramai adalah yang berada di peringkat umur antara 31-35 tahun iaitu sebanyak 22.8 % (41 orang). Manakala 6.7 % (12 orang) daripadanya adalah berumur dalam lingkungan 36-40 tahun. Diikuti sebanyak 16.1 % (29 orang) pula yang berumur antara 41-50 tahun. Sementara selebihnya adalah responden yang berumur melebihi 50 tahun iaitu sebanyak 7.2 % (13 orang). Peratusan ini dijelaskan oleh Carta 1.



Carta 1 : Umur

4.4.3 Tempat Tinggal

Dalam kajian ini, penulis menumpukan kepada empat jajahan sahaja sebagai sampling, iaitu Jajahan Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh dan Pasir Mas. Perlu dinyatakan bahawa penulis yakin empat jajahan ini adalah memadai bagi mewakili keseluruhan masyarakat Negeri Kelantan yang berada dalam 11 jajahan kesemuanya.

Daripada 180 responden yang disoal selidik, 27.8% (50 orang) adalah tinggal dalam Jajahan Kota Bharu. Manakala 22.2% (40 orang) adalah daripada


Jajahan Bachok. Jumlah ini menyamai responden yang tinggal di Jajahan Pasir Puteh yang juga sebanyak 22.2% (40 orang). Diikuti pula oleh Jajahan Pasir Mas yang diwakili oleh sebanyak 27.8% (50 orang).

4.4.4 Tahap Pendidikan

Maklumat mengenai tahap pendidikan responden adalah satu aspek yang amat penting kerana ianya boleh dikaitkan dengan pengetahuan atau kepercayaan terhadap fahaman *Nur Muhammad*. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa kepercayaan terhadap *Nur Muhammad* diperolehi menerusi pengajian dan perguruan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengannya.

Secara umumnya, daripada 180 responden yang menyerahkan borang soal selidik, 20.0 % (36 orang) daripadanya adalah mendapat pendidikan di pondok. Manakala responden lepasan sekolah menengah Arab atau agama pula adalah sebanyak 16.7% (30 orang). Sebanyak 10.0% (18 orang) pula berpendidikan di peringkat sekolah menengah bukan agama.

Responden yang mempunyai tahap akademik peringkat universiti dalam bidang-bidang pengajian Islam merupakan responden yang paling ramai iaitu sebanyak 46.7% (84 orang). Seterusnya 6.7% (12 orang) daripadanya adalah lulusan universiti dalam bidang-bidang bukan pengajian Islam.



Carta 2 : Tahap Pendidikan


4.4.5 Tempoh Belajar Di Pondok.

Daripada para responden yang mendapat pendidikan di pondok, 5.6 % (10 orang) belajar selama 1–4 tahun manakala 5–8 tahun diwakili oleh sebanyak 3.3% (6 orang) Tempoh antara 8–10 tahun adalah sebanyak 1.1% (2 orang). Selebihnya iaitu 10% (18 orang) adalah responden yang mendapat pendidikan lebih daripada 10 tahun di pondok-pondok.

4.4.6 Kerjaya

Menerusi borang soal selidik terhadap 180 responden 76 orang daripadanya adalah yang bekerja sebagai guru agama di institusi-institusi pengajian di sekitar negeri Kelantan. Manakala 32 orang daripada mereka merupakan para guru akademik. 23 orang Responden adalah guru di pondok. Seterusnya, sebanyak 28 orang adalah responden yang masih belajar di pelbagai

institusi pengajian yang terdapat di negeri ini. Selebihnya (21 orang) adalah mereka yang mempunyai kerjaya yang lain.



Carta 3 : Kerjaya.

Dimensi kajian pada **bahagian B** pula adalah bagi memperolehi maklumat berkaitan pengetahuan responden tentang agama Islam.

4.4.7 Pembacaan

Daripada 180 responden yang telah mengembalikan borang soal selidik, 55.6 % (100 orang) daripada mereka adalah yang selalu membaca buku, majalah atau rencana mengenai agama Islam. 1.1% (2 orang) responden sahaja yang mengatakan tidak selalu membaca buku, majalah atau rencana mengenai Islam. Manakala 43.3% (78 orang) responden pula kadang kala membaca buku, majalah atau rencana mengenai agama Islam.

4.4.8 Pengkajian

Para responden yang mengatakan ada membuat kajian terhadap pembacaan mereka adalah sebanyak 15.6 % (28 orang). Manakala 32.2 % (58 orang) pula mengatakan tidak membuat sebarang pengkajian. Mereka yang mengatakan ada membuat pengkajian terhadap pembacaan mereka tetapi secara tidak mendalam adalah kalangan responden yang paling ramai iaitu sebanyak 52.2 % (94 orang).

4.4.9 Guru Agama Khusus

26.7% (48 Orang) responden daripada seramai 180 responden yang menyerahkan borang soal selidik, adalah para responden yang mempunyai guru agama yang khusus selain daripada guru-guru di sekolah. Manakala 73.3% (132 orang) daripada mereka tidak mempunyai guru agama yang khusus selain daripada guru di sekolah.

4.4.10 Kemahiran Guru Agama Khusus

Sebanyak 22.8 % (41 orang) daripada para responden mengatakan bahawa para guru agama mereka yang khusus itu benar-benar mahir dalam bidang yang diajarnya. Selebihnya iaitu sebanyak 2.2 % (4 orang) mengatakan tidak mahir. Manakala 1.7 % (3 orang) mengatakan tidak benar-benar mahir.

Manakala dimensi kajian pada **bahagian C** pula adalah bagi mendapatkan maklumat mengenai fahaman *Nür Muhammad* di kalangan para responden yang penulis jadikan sebagai sampling masyarakat negeri Kelantan.

4.4.11 Kewajipan Setiap Individu Muslim Memelihara Kesucian Dan Kebenaran Islam.

Sebagaimana yang dijangkakan, kesemua responden sepakat berpendapat bahawa setiap individu Muslim berkewajipan memelihara kesucian dan kebenaran Islam.


4.4.12 Al-Qur'an Dan Hadith Yang Sahih Sebagai Rujukan Terhadap Sebarang Kekeliruan Dalam Ajaran Islam.

Para responden juga sepakat berpendapat bahawa sebarang kekeliruan dalam ajaran Islam mestilah dirujuk kepada al-Qur'an dan al-Hadith yang sahih. Jelaslah bahawa sebarang perkara yang tidak wujud di dalam al-Qur'an atau berdasarkan penggunaan hadith-hadith yang *da'if* adalah ditolak oleh para responden.

4.4.13 Kebiasaan Mendengar Perkataan "*Nür Muhammad*"

Pelbagai pendapat telah dikemukakan oleh para responden apabila disoal adakah mereka biasa mendengar perkataan "*Nür Muhammad*".

Mereka yang amat setuju bahawa mereka memang amat biasa mendengar perkataan “*Nur Muhammad*” adalah sebanyak 13.3% (24 orang). Manakala 53.9% (97 orang) mengatakan setuju bahawa mereka biasa mendengar mengenai perkataan tersebut. Seterusnya sebanyak 9.4 % (17 orang) mengatakan kurang setuju bahawa mereka pernah mendengar perkataan “*Nur Muhammad*”. Mereka yang tidak setuju bahawa mereka biasa mendengar perkataan “*Nur Muhammad*” adalah sebanyak 5.6% (10 orang) . Manakala mereka yang amat tidak setuju adalah sebanyak 1.1% (2 orang). Selebihnya adalah mereka yang menjawab tidak tahu iaitu sebanyak 16.7% (30 orang).



Carta 4 : Kebiasaan Mendengar Tentang *Nur Muhammad*

4.4.14 Mendapat Maklumat Tentang *Nur Muhammad* Melalui Cakap-Cakap Orang.

Sebanyak 6.7% (12 orang) responden amat setuju bahawa mereka mendapat maklumat tentang *Nur Muhammad* melalui cakap-cakap orang. Manakala responden yang berpendapat setuju adalah diwakili oleh sebanyak 30.6 % (55 orang). Masing-masing sebanyak 17.2% (31 orang) pula mengatakan

kurang setuju dan tidak setuju. Seterusnya 10.6% (19 orang) berpendapat amat tidak setuju dan selebihnya sebanyak 17.8% (32 orang) menjawab tidak tahu.

4.4.15 Mendapat Maklumat *Nur Muhammad* Melalui Kitab Atau Buku.


Apa yang dapat dihuraikan berpandukan soalan nombor 15 adalah sebanyak 12.8% (23 orang) amat setuju bahawa mereka mendapat maklumat tentang *Nur Muhammad* melalui kitab atau buku. Manakala mereka yang setuju adalah sebanyak 30% (54 orang). Mereka yang kurang setuju adalah sebanyak 13.9% (25 orang).

Seterusnya mereka yang mengatakan tidak setuju diwakili sebanyak 13.3% (24 orang) dengan diikuti oleh sebanyak 5% (9 orang) berpendapat amat tidak setuju. Baki lagi adalah mereka yang mengatakan tidak tahu iaitu sebanyak 25% (45 orang).

4.4.16 Pengajaran Tentang *Nur Muhammad* Oeh Tok-Tok Guru Pondok

Melalui carta 5, kita dapat fahami bahawa peratusan yang paling banyak adalah responden yang menjawab tidak tahu bahawa sebenarnya tok guru pondoklah yang banyak mengajar tentang *Nur Muhammad* iaitu diwakili oleh 32.2% (58 orang). Ia diikuti oleh sebanyak 21.2% (38 orang) lagi yang menjawab tidak setuju. Sementara 17.2% (31 orang) daripadanya berpendapat setuju dan

12.2% (22 orang) pula berpendapat amat tidak setuju. Selebihnya, 5.6% (10 orang) menjawab amat setuju bahawa tok-tok guru pondoklah yang banyak mengajar tentang *Nur Muhammad* dan 11.7% (21 orang) lagi berpendapat kurang setuju.



Carta 5 : Pengajaran Tentang *Nur Muhammad* Oleh Tok-Tok Guru Pondok

4.4.17 *Nur Muhammad* Adalah Merupakan Suatu Persoalan Akidah.

Soalan nombor 17 pula menerangkan pendapat para responden tentang *Nur Muhammad* sebagai suatu persoalan akidah. Sebanyak 33.3% (60 orang) berpendapat amat setuju bahawa *Nur Muhammad* merupakan suatu persoalan akidah. Manakala sebanyak 31.1% (56 orang) menjawab setuju. Seterusnya 2% (13 orang) mengatakan kurang setuju bahawa *Nur Muhammad* adalah suatu persoalan akidah. 6.1% (11 orang) pula berpendapat tidak setuju dan 3.9% (7 orang) amat tidak setuju. Responden yang tidak tahu pula adalah sebanyak 18.3% (33 orang).

4.4.18 *Nür Muḥammad* Merupakan Satu Aspek Penting Dalam Akidah Islam.

Berpandukan soalan nombor 18, 16.7% (30 orang) responden berpendapat amat setuju bahawa *Nür Muḥammad* adalah satu aspek penting dalam akidah Islam. Sebanyak 24.4% (44 orang) lagi mengatakan setuju. Responden yang menjawab kurang setuju adalah sebanyak 11.1% (20 orang). Sebanyak 12.8% (23 orang) lagi mengatakan tidak setuju bahawa *Nür Muḥammad* adalah satu aspek penting di dalam akidah Islam. Daripada jumlah tersebut, 13.9% (25 orang) pula menjawab amat tidak setuju dengan selebihnya sebanyak 21.1% (38 orang) lagi menjawab tidak tahu.

4.4.19 Kemantapan Akidah Berdasarkan Pegangan Kepada *Nür Muḥammad*.

Pada peringkat ini, penulis mendapati para responden mengambil sikap amat berhati-hati untuk menjawab soalan ini dengan mengambil jalan yang paling selamat iaitu dengan menjawab tidak tahu. Ini jelas berdasarkan 23.9% (43 orang) memilih jawapan tidak tahu bahawa kemantapan akidah seseorang boleh diukur berdasarkan pegangan seseorang terhadap *Nür Muḥammad*.

Sebanyak 21.1% (38 orang) responden mengambil sikap tegas bahawa mereka amat tidak setuju kemantapan akidah seseorang boleh dinilai berdasarkan pegangan terhadap *Nür Muḥammad* dengan diikuti 14.4% (26 orang) lagi

menjawab tidak setuju. Secara kolektifnya, kedua-dua jawapan ini menunjukkan 35.5% (64 orang) para responden menolak perkaitan antara pegangan terhadap *Nur Muhammad* dengan kemantapan akidah umat Islam. Pendapat-pendapat yang lain pula, hanya 10.6% (19 orang) memilih jawapan amat setuju bahawa kemantapan akidah seseorang boleh dinilai berdasarkan pegangan mereka kepada *Nur Muhammad*. Sebanyak 18.3% (33 orang) lagi berpendapat setuju dan 11.7% (21 orang) lagi memilih jawapan kurang setuju.

4.4.20 Doktrin *Nur Muhammad* Amat Sukar Untuk Difahami.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam bab-bab yang lepas bahawa doktrin *Nur Muhammad* amat sukar difahami dengan kisah-kisah yang ganjil dan fakta-fakta yang tidak dapat dirujuk kepada al-Qur'an mahu pun hadith-hadith yang sahih.

Ini disahkan oleh keputusan borang soal selidik yang boleh dilihat berdasarkan jawapan 17.8% (32 orang) berpendapat amat setuju bahawa doktrin *Nur Muhammad* amat sukar untuk difahami. Ia diikuti dengan sebanyak 26.1% (47 orang) memilih jawapan setuju. Sekali lagi secara kolektifnya, 43.9% (79 orang) mengaitkan doktrin *Nur Muhammad* dengan kesukaran dalam memahaminya. Selain daripada itu, 18.9 % (34 orang) memilih jawapan kurang setuju bahawa doktrin *Nur Muhammad* amat sukar untuk difahami. 5.6% (10 orang) pula menjawab tidak setuju manakala 6.1% (11 orang) lagi mengatakan

amat tidak setuju. Selebihnya, sebanyak 25.6% (46 orang) berpendapat tidak tahu.

4.4.21 *Nūr Muḥammad* Merupakan Suatu Persoalan tasawuf.

Jawapan tidak tahu bahawa *Nūr Muḥammad* merupakan suatu persoalan tasawuf mendapat peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak 32.8% (59 orang).


Diikuti dengan pendapat setuju sebanyak 23.9% (43 orang) dan 16.1% (29 orang) lagi memilih jawapan amat setuju. Seterusnya, 12.2% (22 orang) berpendapat kurang setuju manakala 7.8% (14 orang) menjawab tidak setuju. Selebihnya, 7.2% (13 orang) mengatakan tidak tahu.

4.4.22 Untuk Mengenal Diri Dan Mengenal Allah, *Nūr Muḥammad* Adalah Penting Difahami.

Pada tahap-tahap seterusnya, penulis mengemukakan di dalam borang soal selidik tersebut, persoalan-persoalan yang semakin serius yang mencabar para responden untuk menyatakan pendirian mereka terhadap doktrin *Nūr Muḥammad*. Buktinya, pada persoalan ini, mereka memilih sikap amat berhati-hati dengan memilih jawapan yang paling selamat iaitu tidak tahu. Berpandukan Carta 6, peratusan responden yang menjawab tidak tahu ialah sebanyak 25.6% (46 orang).

Selebihnya, mereka yang menjawab amat setuju ialah sebanyak 11.7% (21 orang), manakala 21.1% (38 orang) lagi mengatakan setuju. Responden yang

kurang setuju pula sebanyak 10.6% (19 orang) diikuti 15% (27 orang) lagi berpendapat tidak setuju. Bakinya ialah yang berpendirian amat tidak setuju iaitu sebanyak 16.2% (29 orang).




Carta 6 : Untuk Mengenal Diri Dan Mengenal Allah, *Nur Muhammad* Adalah Penting Difahami.

4.4.23 *Nur Muhammad* Sebagai Makhluk Pertama Ciptaan Allah.

Ternyata apabila berhadapan dengan persoalan *Nur Muhammad* sebagai makhluk pertama ciptaan Allah sebelum diciptakan sesuatu yang lain, para responden mengemukakan peratusan jawapan yang agak konsisten jika ditinjau secara kolektif.


Berdasarkan carta 7, sebanyak 37.8% (68 orang) mengatakan amat setuju dan setuju bahawa *Nur Muhammad* adalah makhluk pertama yang diciptakan oleh Allah. Manakala sebanyak 36.7% (66 orang) menolak pendapat *Nur Muhammad* sebagai makhluk pertama ciptaan Allah S.W.T. dengan memilih jawapan kurang setuju, tidak setuju dan amat tidak setuju. Selebihnya, sebanyak 25.6% (46 orang) lagi mengatakan tidak tahu tentang persoalan tersebut.



Carta 7: *Nur Muhammad* Adalah Makhluk Pertama Yang diciptakan Allah Sebelum diciptakan Sesuatu.

4.4.24 *Nur Muhammad* Dijadikan Daripada *Nur* Allah.

Pada pandangan penulis, soalan ini adalah amat serius. Jika tersilap langkah, jawapannya boleh membawa seseorang kepada syirik. Sebagai jalan keluar yang paling selamat, 50% (90 orang) memilih jawapan tidak tahu. Manakala 8.9 % (16 orang) menjawab amat setuju, 14.4% (26 orang) memilih jawapan setuju. Sementara itu, para responden yang mengatakan kurang setuju dan tidak setuju adalah seimbang iaitu masing-masing 6.7% (12 orang). Responden yang berpandangan amat tidak setuju pula ialah diwakili oleh sebanyak 13.3% (24 orang).




Carta 8 : *Nūr Muḥammad* Dijadikan Daripada *Nūr* Allah

4.4.25 *Nūr Muḥammad* Adalah *Qadīm* (sediakala) Kerana Ia Terbit Dari Allah Yang Maha *Qadīm*.

Peratusan responden yang memilih jawapan tidak tahu masih lagi tinggi iaitu sebanyak 47.2% (85 orang). Pendapat-pendapat lain adalah sebanyak 21.1% (38 orang) mengatakan amat tidak setuju bahawa *Nūr Muḥammad* adalah *qadīm*. Seterusnya, 12.2% (22 orang) memilih jawapan tidak setuju, 6.1% (11 orang) berpendapat kurang setuju serta responden yang setuju pula adalah sebanyak 8.9% (16 orang). Hanya 4.4% (8 orang) sahaja yang amat setuju bahawa *Nūr Muḥammad* adalah bersifat *qadīm*.

4.4.26 Hadith Nabi Riwayat Sayyidina Jābir Adalah Dalil Utama Kepada Pegangan Ini.

Sebahagian besar daripada para responden nampaknya lebih cenderung untuk memilih jawapan tidak tahu apabila sampai kepada soalan ini. Berdasarkan Carta 9, sebanyak 75% (135 orang) mengatakan tidak tahu berkenaan Hadith Sayyidina Jābir adalah menjadi dalil utama fahaman *Nūr Muḥammad* ini. Selebihnya 6.7% (12 orang) memilih pendapat amat tidak setuju, manakala 5% (12 orang) lagi berpendapat tidak setuju. Selain daripada itu, 3.3% (6 orang) menjawab tidak setuju, 7.8% (14 orang) pula mengatakan setuju. Hanya 2.2% (4 orang) menjawab amat setuju.



Carta 9 : Hadith Nabi Riwayat Sayyidina Jābir Adalah Dalil Utama Kepada Pegangan Ini.


4.4.27 Kesahihan Sesuatu Hadith Tidak Penting Dalam Persoalan *Nūr Muḥammad*.

Bagi soalan ini, rasanya lebih wajar rumusannya dibuat dengan meninjau jawapannya secara kolektif. Sebanyak 49.4% (89 orang) menentang pendapat

yang mengatakan bahawa kesahihan sesuatu hadith tidak penting dalam persoalan *Nür Muḥammad*. Ia boleh dibandingkan dengan hanya 40% (72 orang) yang mengatakan tidak tahu. Selebihnya hanya 5.6% (10 orang) berpendapat setuju dan baki 5% (9 orang) mengatakan amat setuju bahawa kesahihan sesuatu hadith tidak penting dalam persoalan ini.

4.4.28 Sebahagian Besar Daripada Hadith-hadith Yang Menjadi Sandaran Kepada *Nür Muḥammad* adalah *da'if*.


Dengan merujuk kepada Carta 10, peratusan responden yang menjawab tidak tahu adalah amat tinggi iaitu mencapai 62.8% (113 orang). Sementara itu, sebanyak 4.4% (8 orang) lagi berpendapat amat tidak setuju dan 5% (9 orang) memilih jawapan tidak setuju serta 11.7% (21 orang) menjawab kurang setuju. Bakinya, 10% (18 orang) berpendapat setuju dan 6.1% (11 orang) mengatakan amat setuju bahawa sebahagian besar daripada hadith-hadith yang menjadi sandaran kepada *Nür Muḥammad* adalah *da'if*.



Carta 10 : Sebahagian besar daripada hadith-hadith yang menjadi sandara kepada *Nür Muḥammad* adalah *da'if*.

4.4.29 *Nūr Muḥammad* Mempunyai Kaitan Yang Rapat Dengan Fahaman *Wahdah al-Wujūd*.

Bagi persoalan ini, dengan merujuk kepada Carta 11, 57% (104 orang) menjawab tidak tahu. Manakala 5% (9 orang) mengatakan amat tidak setuju dan 6.7% (12 orang) memilih jawapan tidak setuju. Sementara itu, 8.9% (16 orang) berpendapat kurang setuju dan 13.9% (25 orang) menjawab setuju serta bakinya hanya 7.8% (14 orang) mengatakan amat setuju.



Carta 11: *Nūr Muḥammad* Mempunyai Kaitan Yang Rapat Dengan Fahaman *Wahdah al-Wujūd*.


4.4.30 Kepercayaan dan Sokongan Terhadap Fahaman *Wahdah al-Wujūd*

43.3% (78 orang) memilih jawapan yang kabur iaitu mereka tidak mahu menyatakan sama ada mereka percaya dan menyokong fahaman *Wahdah-al-Wujūd* ataupun tidak. Jawapan 78 orang responden ini juga boleh diertikan

bahawa mereka memang tidak mengetahui maksud fahaman *Wahdah al-Wujūd* atau kalimah tersebut adalah asing bagi mereka. Sementara itu, 21.7% (39 orang) lagi memilih jawapan amat tidak setuju, manakala 14.4% (26 orang) pula menjawab tidak setuju. Di samping itu, 5.6% (10 orang) mengatakan kurang setuju dan 9.4% (17 orang) berpendapat setuju. Selebihnya, 55.6% (10 orang) memutuskan amat setuju bahawa mereka pro kepada fahaman tersebut.

4.4.31 *Nūr Muḥammad* Dalam Ajaran Martabat Tujuh


Menghadapi persoalan ini, jawapan tidak tahu adalah yang paling banyak dipilih oleh para responden. Ini dapat dilihat pada Carta 12 di mana sebanyak 66.1% (119 orang) telah mengatakan tidak tahu apabila ditanya adakah *Nūr Muḥammad* merupakan satu doktrin yang terkandung dalam tujuh tertib kejadian alam (Martabat Tujuh). Ternyata hanya beberapa peratus sahaja daripada responden yang memilih jawapan-jawapan yang lain.



Carta 12 : *Nūr Muḥammad* Dalam Ajaran Martabat Tujuh

4.4.32 *Nūr Muḥammad* Adalah Satu Teori Falsafah Yang Menyimpang Daripada Islam


Lebih daripada separuh responden iaitu 51.1% (92 orang) menjawab tidak tahu adakah *Nūr Muḥammad* menyimpang daripada ajaran Islam dan dapat dirujuk kepada Carta 13. Manakala 14.4% (26 orang) mengatakan amat tidak setuju dengan soalan tersebut. Di samping itu sebanyak 11.1% (20 orang) berpendapat tidak setuju. Seterusnya hanya beberapa peratus sahaja yang menjawab kurang setuju, setuju dan amat setuju.



Carta 13: *Nūr Muḥammad* adalah Satu Teori Falsafah Yang Menyimpang Daripada Islam.

4.4.33 Doktrin *Nūr Muḥammad* Berasal Daripada Fahaman Syī'ah.

Berdasarkan Carta 14, sebanyak 66.7% (120 orang) mengatakan tidak tahu bahawa doktrin *Nūr Muḥammad* adalah berasal daripada fahaman Syī'ah dan diikuti 10% (18 orang) lagi berpendapat tidak setuju. Kemudiannya, beberapa peratus lagi menjawab amat tidak setuju, kurang setuju, setuju dan amat setuju kepada soalan tersebut.



Carta 14 : Doktrin *Nūr Muḥammad* Berasal Daripada Fahaman Syī'ah.

4.4.34 Aliran-Aliran Tarekat Mempercayai Doktrin *Nūr Muḥammad*.

Reaksi kepada soalan ini, 53% (97 orang) memilih jawapan tidak tahu, manakala 118.9% (34 orang) lagi menjawab setuju. Paling sedikit iaitu 3.9%


(7orang) berpendapat tidak setuju sedangkan beberapa peratus responden lagi memilih jawapan amat setuju, setuju, kurang setuju dan amat tidak setuju.

4.4.35 *Nür Muhammad* Tidak Wajar Dibincangkan Secara Terbuka Kerana Ia Tidak Mampu Difahami Oleh Orang Awam

Perubahan reaksi responden amat ketara menghadapi soalan ini di mana majoriti responden mengaitkan *Nür Muhammad* dengan rasa tidak wajar membincangkannya di hadapan khalayak massa justeru ianya tidak mampu difahami oleh masyarakat awam. Sebanyak 25 % (45 orang) amat setuju kepada soalan berkenaan, manakala 32.2% (58 orang) lagi setuju. Berbanding dengan 15% (27 orang) menjawab tidak tahu dan masing-masing 10.6% (19 orang) menjawab kurang setuju dan tidak setuju. Selebihnya hanya 6.7% (12 orang) yang berpendapat amat tidak setuju.

4.4.36 Fahaman *Nür Muhammad* Tidak Menambahkan Keimanan

Jawapan yang paling banyak menjadi pilihan para responden ialah tidak tahu iaitu sebanyak 34.4% (62 orang). Manakala jawapan-jawapan yang lain mendapat reaksi yang agak konsisten daripada para responden berdasarkan carta 15.



Carta 15 : Fahaman *Nür Muhammad* Tidak Menambahkan Keimanan


4.4.37 Fahaman *Nür Muhammad* Tidak Membantu Meninggikan Agama

Merujuk kepada soalan 37, jawapan yang diterima masih lagi sebanyak 34.4% (62 orang) tidak tahu adakah fahaman *Nür Muhammad* membantu meninggikan agama ataupun tidak. Manakala yang paling sedikit ialah jawapan amat tidak setuju iaitu sebanyak 7.8% (14 orang). Selebihnya, beberapa belas peratus lagi menjawab amat setuju, setuju, kurang setuju dan tidak setuju.

4.4.38 *Nür Muhammad* Adalah Suatu Khurafat Yang Mesti Dihapuskan

Seterusnya, Carta 16 menjelaskan bahawa 50.6% (91 orang) mengatakan tidak tahu bahawa *Nür Muhammad* adalah suatu khurafat dan mesti dihapuskan. Manakala hanya 6.1% (11 orang) pula mengatakan amat tidak setuju. Peratus yang sama iaitu 11.7% (21 orang) menjawab amat setuju dan setuju. Jika ditinjau

secara kolektif, sebanyak 23.4% (42 orang) mengaitkan *Nūr Muḥammad* dengan khurafat. Selebihnya sebanyak 12.2% (22 orang) menjawab tidak setuju dan 7.8% (14 orang) menjawab kurang setuju. Kesemua reaksi ini boleh dirujuk kepada Carta 16.



Carta 16: *Nūr Muḥammad* Adalah Suatu Khurafat Yang Mesti Dihapuskan

4.4.39 Kali Pertama Mendengar Tentang *Nūr Muḥammad*.

Merujuk kepada soalan 39, penulis lebih cenderung melihat reaksi responden secara kolektif iaitu sebanyak 24.5% (44 orang) mengatakan bahawa inilah kali pertama mereka mendengar perkataan *Nūr Muḥammad*. Manakala hanya 47.6% (86 orang) mengatakan bahawa ini bukanlah kali pertama mereka mendengar tentang *Nūr Muḥammad*. Selebihnya menjawab amat tidak setuju dan tidak tahu.

4.5 Wawancara

Di samping penggunaan borang-borang soal selidik, penulis juga menggunakan kaedah wawancara untuk mendapatkan maklumat tentang sejauh manakah kepercayaan masyarakat negeri Kelantan terhadap fahaman *Nūr Muhammad*. Proses wawancara yang telah penulis jalankan ialah dengan membuat temujanji dengan seseorang terlebih dahulu dengan memaklumkan tajuk yang bakal diwawancarakan nanti. Ini adalah bagi memudahkan para responden membuat persediaan yang lengkap (sekiranya ada) dan memberikan fakta-fakta yang mantap.

Dalam metode ini, penulis menumpukan wawancara terhadap tokoh-tokoh agama dalam masyarakat negeri Kelantan kerana melalui mereka, masyarakat mendapat maklumat dan ilmu. Hasil wawancara berkenaan, penulis telah membuat suatu analisis dengan mengkategorikan mereka kepada dua kategori iaitu; Pendokong Fahaman *Nūr Muhammad* dan Penentang Fahaman *Nūr Muhammad*.

Melalui wawancara-wawancara yang dijalankan, para pendokong fahaman *Nūr Muhammad* tersebut telah mengemukakan hujah-hujah mereka yang wajar direnungi oleh kita. Begitu juga pihak-pihak yang menentang fahaman ini, mereka telah memberikan alasan dan kritikan terhadap *Nūr Muhammad* dengan cara yang juga dikira wajar.

4.5.1 Pendokong Fahaman *Nūr Muḥammad*.

Antara responden yang boleh dikategorikan sebagai pendokong fahaman *Nūr Muḥammad* ialah sebagaimana berikut :

Responden 1 : Ustaz Uthman el-Muhammadi²⁷⁶

Berkaitan dengan persoalan *Nūr Muḥammad*, Ustaz Uthman el-Muhammadi terlebih dahulu mengemukakan firman Allah S.W.T. dalam Surah *al-Mā'idah* ayat 15 :

قَدْ جَاءَكُم مِّنَ اللَّهِ نُورٌ وَّكَتَبْتُ مُبِينٌ

Maksudnya :

“ Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah Kitab (al-Qur'an) yang jelas nyata kebenarannya.”

Surah *al-Mā'idah* (5): 15

Menurut beliau, al-Suyūṭī di dalam *Tafsīr al-Jalālain*, Ibn Jarīr al-Tabārī di dalam *Tafsīr Jāmi' al-Bayān*, Fakhr al-Rāzī di dalam *al-Tafsīr al-Kabīr*, al-Baghawī di dalam *Ma'ālim al-Tanzīl*, al-Qurtubī di dalam tafsirnya *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān* dan al-Zajjāj, semuanya berpendapat bahawa *Nūr* di sini ialah Nabi Muhammad S.A.W.

²⁷⁶ Temuramah bersama beliau pada 24 Mac 2001, jam 2.15 – 3.15 petang di rumah beliau di Kampung Kasar, Pasir Mas, Kelantan. Beliau adalah seorang pendakwah bebas, juga sebagai Fellow Kanan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Menurut beliau lagi, maklumat tersebut menunjukkan bahawa *mufassir* yang awal seperti al-Tabari mentafsirkan bahawa *Nūr* di dalam ayat berkenaan ialah Nabi Muhammad S.A.W. Hanya *mufassir* yang terkemudian sahaja yang mentafsirkan *Nūr* sebagai Islam. Beliau juga turut mengemukakan firman Allah S.W.T. di dalam Surah al-Ahzab :

وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ النَّبِيِّنَ مِيقَاتَهُمْ وَمِنْكَ وَمِنْ نُوْجٍ وَإِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى
وَعِيسَى أَبْنَ مَرْيَمَ وَأَخَذْنَا مِنْهُمْ مِيقَاتًا غَلِيظًا



Maksudnya :

“Dan ingatlah ketika kami mengambil dari nabi-nabi (umumnya) akan perjanjian setia mereka, dan (khasnya) dari engkau sendiri (wahai Muhammad), dan dari Nabi Nuh, dan Nabi Ibrahim, dan Nabi Musa, serta Nabi Isa Ibn Maryam ; dan kami telah mengambil dari mereka perjanjian setia yang teguh (bagi menyempurnakan apa yang telah ditugaskan kepada mereka.)”

Surah *al-Ahzāb* (21) : 7

Al-Suyūti di dalam *al-Khaṣā'is al-Kubrā*, bab pertama, hadith riwayat Ibn Abī Ḥātim dan Abū Nu‘aim di dalam *al-Dalā'il al-Nubuwwah*, apabila menghuraikan ayat tersebut menyebut sebuah hadith berbunyi :

كنت أول النّاسِ في الخلقِ وآخرهم في البعثِ

Maksudnya : “Aku adalah makhluk pertama dijadikan dan yang terakhir diutuskan.”²⁷⁷ Beliau juga memberikan sebuah hadith yang terdapat di dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,²⁷⁸ yang berbunyi :

²⁷⁷ Abu Naim Ahmad bin ‘Abd Allāh al-Asbahānī (1950), *Dalā'il al-Nubuwwah*, cet.2, India: Percetakan Majlis Dāirah al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah, h.12.

²⁷⁸ Al-Bukhārī, *op. cit.*, h. 300.

الْحَجَّةُ قَالَ آدُمُ أَنْتَ مُوسَى أَنْتَ آدُمُ الَّذِي أَخْرَجْتَنِي مِنِ
الْجَنَّةِ قَالَ آدُمُ أَنْتَ مُوسَى الَّذِي احْتَفَاكَ اللَّهُ بِرِسَالَتِهِ وَكَلَّا مِنِ
تَلَوْمِفَ عَلَى أَمْرٍ قَدْ قَدِرَ عَلَى قَبْلِ أَنْ أَعْلَمَ فَحَجَّ آدُمُ مُوسَى

Maksudnya :

“Nabi Adam telah berhujah dengan Nabi Musa, telah berkata Nabi Musa kepada Nabi Adam “ Engkau adalah Adam yang menyebabkan zuriatmu terkeluar dari syurga. Adam berkata “Engkau adalah Nabi Musa yang dipilih Allah menjadi rasul dengan perintahNya, kemudian engkau mencela aku terhadap suatu perkara yang telah ditentukan Allah kepadaku sebelum aku diciptakan. Maka Nabi Adam terus berhujah dengan Nabi Musa.”


Pada pendapat beliau, *Nūr Muḥammad* bukanlah termasuk dalam persoalan akidah. Bagi beliau, persoalan akidah adalah sebagaimana yang terdapat dalam kitab-kitab akidah Ahl Sunnah wa al-Jama'ah seperti kitab *Maqālāt Islāmiyyah* oleh al-Asy'arī, kitab *al-Tamhīd* oleh al-Bāqillānī, kitab *al-Iqtisād fī al-I'tiqād* oleh al-Ghazālī, kitab *'Aqā'id al-Nasafī* dan kitab *Umm al-Barāhīn* yang mana dalam kitab-kitab tersebut tidak menyatakan bahawa *Nūr Muḥammad* adalah persoalan akidah. Akidah itu adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan Tuhan, Kitab, Nabi, Malaikat, hari Akhirat dan Qada' serta Qadar. Ibn 'Arabī dalam *al-Futūḥāt al-Makkiyyah*, jilid pertama, semasa menerangkan bab *I'tiqād*, tidak memasukkan perbicaraan tentang *Nūr Muḥammad* di dalamnya.

Beliau berpendapat, *Nūr Muḥammad* termasuk di dalam satu aspek yang memberi huraiān berkenaan dengan kedudukan Nabi Muhammad dalam hubungan dengan alam semesta dan Tuhan. Dengan lain perkataan, ia adalah

perkara metafizika (ما وراء الطبيعة). Seseorang yang menyatakan bahawa *Nūr*

Muhammad termasuk dalam persoalan akidah merupakan satu kesalahan pada penggunaan istilah.

Manakala persoalan bahawa kepercayaan *Nūr Muhammad* adalah salah-satu daripada pengalaman-pengalaman *ṣūfi* yang sukar diterima, beliau mengumpamakannya dengan teori Quantum Fizik yang menyatakan bahawa semua benda dalam dunia ini bergerak dalam bentuk gelombang atau *zarrah* (*particle* atau *wave*). Walaupun pada fenomena lahiriahnya nampak keras dan pejal serta statik. Ini adalah sesuai dengan pengalaman ahli sufi. Mereka melihat bahawa alam ini berada dalam keadaan binasa dan baharu. Sebagaimana firman Allah dalam Surah *al-Rahmān* ;

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ﴿٢٦﴾ وَيَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَلِ وَالْكَرَامِ


Maksudnya:

“Segala yang ada di muka bumi itu akan binasa. Dan akan kekallah *dhat* Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan”.

Surah *al-Rahmān* (55): 26-27

Responden 2 : Haji Abdul Hamid Bin Abdullah (Baba Hamid).²⁷⁹

²⁷⁹ Panggilan “Baba” merupakan kebiasaan yang digunakan oleh masyarakat Islam di Selatan Thai kepada tok-tok guru mereka. Interviu dengan Baba Haji Hamid bin Abdullah pada 26 Mei 2002, di masjid beliau di Pondok Seligi, Pasir Puteh, Kelantan. Berusia 54 tahun dan pernah belajar di beberapa pondok di Patani, Selatan Thailand. Beliau merupakan tok guru kepada lebih kurang 200 orang pelajar di pondok berkenaan. Beliau juga mempunyai jadual kuliah-kuliah mingguan dan bulanan di beberapa tempat di sekitar Jajahan Pasir Puteh.

Beliau berpendapat, *Nūr Muḥammad* adalah satu fahaman yang penting dalam ilmu *musyāhadah* (tasawuf), untuk *taqarrub* (mendekati) kepada Tuhan. Ia berada pada martabat tinggi (mengatasi perkara akidah) iaitu bab *Ihsān al-Dīn*. Ia bukan termasuk dalam bab akidah dan bukan suatu perkara yang boleh dibuat perbahasan. Ia adalah suatu fahaman untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Menurut beliau, perkara pokok dalam agama Islam adalah tiga bahagian. Pertama, Usuluddin yang termasuk di dalamnya enam perkara Rukun Iman yang memerlukan dalil al-Qur'an dan al-Hadith sahih. Kedua ialah *Furu' al-Dīn* yang terdiri daripada perkara-perkara Ibadat, *Mu'amalah*, *Munakahah* dan Jenayah serta lain-lain yang memerlukan hadith sahih. Ketiga ialah *Ihsān al-Dīn* yang terbahagi kepada dua iaitu *al-takhallī* (التخلی)) dan *al-tahallī* (التھلی) bagi memperbaiki hati pada pandangan Allah S.W.T.

Takhallī ialah membuang sifat-sifat *madhmūmah* yang ada di dalam hati dan *tahallī* pula ialah mewujudkan sifat-sifat *maḥmūdah*. Setelah itu barulah akan datang *wāridāt* daripada Allah. *Wāridāt* inilah yang dikatakan sebagai ilmu *ladunni*. Bermula daripada 'Ain al-Yaqīn, *Haq al-Yaqīn* sehingga *Kamāl al-Yaqīn*. Ilmu *Ihsān al-Dīn* ini bukanlah *fardū 'ain* tetapi ia adalah *fardū kifāyah*. Ilmu ini tidak memerlukan dalil. Melalui ilmu ini seseorang akan mengetahui *kasyaf* dan *dhawq*.

Menurut beliau, daripada ilmu *Ihsān al-Dīn* ini juga seseorang itu akan memasuki tarekat. Tarekat ialah terbuka hati, yakin dengan tidak berdalil atau yakin dengan *dhawq*.

Pada pendirian beliau, seseorang yang mempunyai ilmu agama tetapi tidak mempunyai kefahaman tentang *Nūr Muḥammad*, dia dianggap hanya mempunyai ilmu Usuluddin dan Syariat semata-mata tetapi belum sampai ke tahap *taqarrub* kepada Allah S.W.T.

Berkenaan dengan hadith riwayat sayyidina Jābir r.a, beliau mendedahkan pokok perselisihan antara ulama Usuluddin dengan ulama *Musyāhadah* (tasawuf) iaitu pada perkataan “*min*” dalam hadith أُولَئِكَ مَا خلقَ اللَّهُ تَعَالَى نُورَنِيْكَ يَا حَاجِرَ فَخَلَقَ (تبعيض) *min tab'i'd* manakala ulama

Ahli ḥūfī mentafsirkannya sebagai *min ibtidā'iyyah*. (إبتدائية).
Usuluddin pula menafsirkannya sebagai *min ibtidā'iyyah*.

Beliau menegaskan, ahli Usuluddin mengenal Allah dengan memikirkan menggunakan akal yang hanya boleh menyampaikan seseorang kepada ‘*Ilmu al-Yaqīn* sahaja. Tangga untuk sampai kepada ‘*Ilmu al-Yaqīn* ialah dengan fikir, akal dan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Hadith. Inilah yang dinamakan Syariat.

Orang yang ahli makrifat (*maqām khuṣūṣ*) akan meningkat lagi kepada ‘*Ayn al-Yaqīn*, *Haq al-Yaqīn* dan *Kamāl al-Yaqīn*. Pada peringkat ini mereka

mengenal Allah dengan *dhawq*. Dalam ilmu *Musyāhadah*, hadith-hadith *da’if* boleh diterima asalkan ia bukan hadith *mawdū’* (palsu). Dalam hal ini hadith riwayat sayyidina Jābir bukan merupakan hadith *mawdū’* kerana ia menjadi pegangan ulama-ulama terdahulu.

Nūr Muḥammad merupakan unsur penting dalam ilmu Martabat Tujuh. Ilmu Martabat Tujuh mesti difahami untuk membolehkan seseorang itu mengenali Allah S.W.T. *Nūr Muḥammad* ialah *Rūh Muḥammad*. Sebelum adanya *Nūr*, alam ini dalam *zulmat* (kegelapan). Setelah adanya *Rūh*, maka pada masa itu ia dipanggil *Nūr* (cahaya). Beliau mendakwa, menurut Mālik bin Anas, *Nūr* adalah ruh kita pada rupa kita yang belum berjasad. وَالنُّورُ كَالْجَدَدِ Maksudnya : “Dan *Nūr* itu seperti jasad”.

Responden 3 : Pak Su Haji Hamid (Pak Su Hamid)²⁸⁰

Penulis berkesempatan menghadiri kuliah beliau. Ketika menghuraikan bacaan dalam *tasyahhud*, beliau mengingatkan supaya orang yang sedang sembahyang mesti meyakini bahawa Nabi Muhammad belum meninggal dunia. Baginda akan menjawab salam orang yang mengucapkan salam seperti mana dalam bacaan *tasyahhud*.

²⁸⁰ Interviu di rumah beliau pada 23 Mac 2001, di Kampung Beris Lalang, Bachok, Kelantan. Berumur dalam lebih kurang 65 tahun, pernah berguru dengan Baba Haji Hamid (Haji Abdul Hamid Bin Abdullah), Seligi, Pasir Puteh, Kelantan. Beliau mengadakan kuliah agama setiap Jumaat di Masjid Kubur, Beris Lalang dengan menggunakan kitab *Muniyah al-Muṣallī* karangan Syeikh Daud al-Fatani. Dalam pengajarannya, beliau banyak menyelitkan fakta-fakta tentang *Nūr Muḥammad* dan cerita-cerita yang berunsurkan falsafah yang agak sukar difahami oleh khalayak yang terdiri daripada orang-orang kampung yang sudah tua.

Penulis bertanya adakah beliau mengamalkan wirid-wirid tertentu yang berkaitan dengan *Nūr Muḥammad*. Beliau mengakui ada, tetapi tidak boleh diberitahu kepada penulis kerana sesiapa yang hendak mengetahuinya mestilah melalui guru atau syeikh yang mursyid. Menurut beliau lagi, ilmu hakikat dan makrifat tidak boleh dan tidak akan mampu dikaji oleh sebarang orang kerana tidak akan mampu memahaminya. Kita hanya wajib patuh dan ikut pendapat ulama-ulama terdahulu dan menerima pengajaran-pengajaran yang ditinggalkan dalam kitab-kitab mereka tanpa banyak soal-jawab kerana siapalah kita jika hendak dibandingkan dengan mereka. Mereka itu mempunyai *maqām* yang sangat tinggi dan tidak boleh dipertikaikan.

Responden 4 : **Tuan Guru Haji Mohammad Zain.²⁸¹**

Menurutnya, beliau berpegang kepada doktrin *Nūr Muḥammad* kerana ia adalah suatu fahaman yang menjadi pegangan tuan-tuan guru yang terdahulu. Malahan doktrin *Nūr Muḥammad* ini terdapat dalam kitab-kitab. Beliau mengatakan lagi, Nabi Muhammad adalah insan yang paling mulia disisi Allah. Justeru itu, kejadiannya juga adalah mulia.

²⁸¹Temuramah dengan beliau di rumahnya di Kampung Kermudi, Bachok, Kelantan pada hari Sabtu, 7 Julai 2001, jam 5.00 petang. Beliau merupakan anak kepada seorang tok guru yang terkenal dengan panggilan Tok Bachok. Beliau pernah membuka kuliah-kuliah pengajian agama di sekitar Bachok tetapi sekarang beliau hanya menetap di rumah kerana telah uzur. Penulis hanya dapat berbicara secara ringkas berikutan keadaan beliau yang uzur itu.

Responden 5 : Encik Ahmad bin Haji Saud²⁸².

Bagi Encik Ahmad bin Haji Saud, *Nūr Muḥammad* adalah *Rūh Muḥammad* yang merupakan asal segala kejadian. *Nūr Muḥammad* dijadikan daripada zat Allah. Menurut beliau, nyawa bergantung kepada zat manakala badan bergantung kepada nyawa.

Walau bagaimanpun, beliau tidak menerima cerita burung merak dalam penghuraian tentang *Nūr Muḥammad* sebagai benar kerana bagi beliau, kemungkinan telah berlaku tokok-tambah di sana-sini. Beliau juga kurang bersetuju dengan fahaman *Wahdah al-Wujud*. Berkenaan persoalan tentang tarekat, beliau berpendapat tarekat adalah penting sebagai suatu cara untuk mendapatkan ilham dan menyucikan diri dan *Nūr Muḥammad* mempunyai kaitan dengan tarekat.

Beliau menolak fahaman *Nūr Muḥammad* sebagai suatu perkara baru atau suatu unsur falsafah. Bagi beliau, seseorang yang berpendapat sedemikian adalah seorang yang tidak memahami doktrin *Nūr Muḥammad* lalu cenderung untuk membuat bermacam-macam tuduhan. *Nūr Muḥammad* adalah perkara ghayb. Keyakinan kepada perkara-perkara ghayb membawa kepada kesempurnaan iman. Beliau kemudiannya menyebut firman Allah :

²⁸² Temuramah bersama beliau pada 20 Julai 2001. Beliau adalah seorang kerani di Pondok Moden, Kandis, Bachok, Kelantan. Berusia 40 tahun. Tinggal di Kampung Che' Pa, Jalan Kedai Lalat, Binjai, Kota Bharu, Kelantan. Berkelulusan STPM dan telah 6 tahun berkhidmat di Pondok tersebut. Menurutnya, beliau memperolehi ilmu melalui perbincangan dengan ahli-ahli tasawuf, perbincangan dengan kawan-kawan, pembacaan kitab-kitab agama seperti *Iḥyā*, *'Ulam al-Dīn* dan *al-Hikam*.

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ فَلِلَّهِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرٍ رَّبِّيْ

Maksudnya :

“Mereka bertanya kepada mu (Muhammad) tentang ruh, Katakanlah (wahai Muhammad) bahawa persoalan ruh itu adalah urusan Aku”.

Surah *al-Isrā'* (17) : 85

Berdasarkan ayat tersebut, *Nūr Muḥammad* adalah perkara *Rūh* yang merupakan rahsia Allah, justeru itulah ia tidak memerlukan dalil dalam perbahasan tentangnya. Di samping itu, beliau menambah bahawa di dalam cerita mengenai *Nūr Muḥammad* ada terdapat kata-kata “Aku dijadikan daripada Zat Allah”. Beliau menjelaskan bahawa maksud “Zat” di sini ialah *Rūh*. Seterusnya beliau mengungkapkan kata-kata berikut ;

“Muhammad adalah ruh, manusia adalah jasad, Adam adalah bapa segala jasad manusia, *Nūr Muḥammad* adalah bapa segala ruh makhluk”

Beliau juga berpendapat, fahaman *Nūr Muḥammad* adalah termasuk di dalam persoalan akidah bagi seseorang yang ingin mengenali siapa dirinya, siapakah hamba dan siapakah Tuhanaya. Walau bagaimanapun, *Nūr Muḥammad* tidak bersifat *qadīm* walaupun ia lahir daripada Zat Allah Yang Maha *Qadīm*. Beliau juga mengetahui dan mempelajari serta percaya kepada doktrin Martabat Tujuh. Di akhir perbicaraan, beliau mengatakan, *Nūr Muḥammad* penting untuk dipelajari dan ia mestilah dipelajari secara mendalam daripada seseorang yang mahir secara tersembunyi daripada masyarakat umum.

Responden 6 : Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah²⁸³

Menurut Tuan Guru Haji Abdullah, beliau menerima doktrin *Nur Muhammad* berpandukan hadith Nabi riwayat Jâbir ;

أول ما خلق الله نور نبيك يا جابر

Maksudnya :

“Awal-awal perkara yang dijadikan oleh Allah ialah Nur Nabimu wahai Jabir.”

Pada pandangan beliau, hadith ini berada pada martabat *hadîth masyhûr*. Manakala sambungannya yang panjang itu adalah *maudu'* (palsu). Di samping itu, ia tidak berlawanan dengan hadith Nabi :

أول ما خلق الله القلم

Maksudnya :

“Awal-awal perkara yang dijadikan Allah ialah *al-Qalam*.”

Hadith pertama adalah nisbah kepada alam yang tidak berjisim manakala hadith kedua merujuk kepada alam yang berjisim. Pada zahirnya nampak berlawanan tapi hakikatnya kedua-duanya tidak berlawanan.

²⁸³ Interviu dengan beliau di rumahnya di Pondok Lubok Tapah, Lemal, Pasir Mas, Kelantan pada 17 Januari 2002, jam 3.00 petang. Nama penuh beliau ialah Haji Abdullah bin Haji Abdul Rahman. Bapa beliau adalah seorang guru yang terkenal dan juga merupakan pengasas Pondok Lubok Tapah. Manakala Haji Abdullah adalah Tuan Guru di pondok tersebut dan merupakan tokoh agama yang aran disegani di Kelantan masa kini.

Responden 7 : Hj Che Husin bin Abdul Latif²⁸⁴

Beliau memulakan pembicaraan mengenai *Nūr Muḥammad* dengan mengemukakan hadith (pada dakwaan beliau) :

أول ما خلق الله العقل

Maksudnya :

“Awal-awal sesuatu yang dijadikan Allah ialah akal.”²⁸⁵

Beliau menegaskan, akal adalah *Nūr* dan yang dimaksudkan di dalam hadith ini ialah *Nūr Muḥammad* yang merupakan kejadian yang paling awal. Beliau juga mendakwa, di dalam kitab *al-Arba 'in fi Uṣūl al-Dīn* oleh al-Ghazālī, ada menyebut hadith :

أول ما خلق الله روحي..... وفي رواية..... نوري

Maksudnya :

“ Awal-awal sesuatu yang dijadikan Allah ialah *Rūh* aku Di dalam riwayat lain menyebut ... *Nūr* ku.”

Beliau menambah, *Rūh Muḥammad* itu adalah *jauhar* (zat nurani), manakala *Nūr Muḥammad* adalah akal. Akal adalah *'arad* (sifat yang berdiri

²⁸⁴ Beliau berusia 67 tahun. Tinggal di Bachok. Telah menjadi guru takmir masjid selama 14 tahun. Beliau mengatakan pernah menuntut dengan Haji Zain, menantu Haji Nor yang merupakan bekas Mufti Kelantan.

²⁸⁵ Sila lihat *takhrīj* hadith ini di nota kaki nombor 242 di dalam desertasi ini.

dengan *jauhar* iaitu lahir *rūh* Nabi Muhammad). Menurut beliau, akal, *nūr*, *rūh* dan *qalam* adalah perkara yang sama.

Pada pendapat beliau, hadith-hadith yang boleh dibuat hujah dalam pembicaraan tentang *Nūr Muḥammad* ialah :

كَتَبْتُ لِنَبِيِّنَا وَآدَمَ بْنَ رُوحٍ وَجِسْدًا

Maksudnya :

“Adalah aku telah dilantik menjadi nabi sedangkan pada masa itu Nabi Adam masih lagi diantara ruh dan jasad. (Belum dijadikan lagi).”²⁸⁶

Responden 8 : Us. Salleh bin Ismail²⁸⁷

Dalam membicarakan *Nūr Muḥammad*, beliau mendakwa berpegang kepada sebuah hadith *Qudsi* iaitu :

لَوْلَاكَ مَا خَلَقْتَ الْأَفْلَاكَ

Maksudnya:

“Kalaulah bukan kerana mu (Muhammad), nescaya Aku tidak menjadikan segala cekarawala.”²⁸⁸

²⁸⁶ Menurut al-Albāñī, hadith ini adalah sahih. Lihat Muḥammad Nāṣr al-Dīn al-Albāñī, *op.cit.*, h.474

²⁸⁷ Interviu dengan beliau di Pondok Pasir Tumboh pada 10 Mac 2002, jam 9.30 malam. Berusia 62 tahun dan telah mengajar di pondok selama 20 tahun. Sekarang beliau kurang aktif mengajar kerana uzur.

²⁸⁸ Lihat *takhrij* hadith ini di nota kaki nombor 240, di dalam desertasi ini.

Mengenai kitab-kitab yang berkaitan *Nūr Muḥammad*, beliau pernah belajar kitab *Daqā'iq al-Akhbār* daripada *al-marḥūm* Tuan Guru Haji Mustafa di Pondok Pasir Tumboh itu lebih kurang 20 tahun yang lalu. Manakala kitab *Durr al-Nafīs* pula pernah diajar oleh *al-marḥūm* Tuan Guru Haji Abdul Aziz di pondok tersebut. Bagaimanapun, sekarang ini jarang guru yang mengajar kitab ini kerana tidak ramai guru yang mampu mengajarnya. Beliau menekankan seseorang guru itu perlu mempunyai ilmu usuluddin dan tasawuf yang mantap sebelum mengajar kitab tasawuf yang tinggi-tinggi.

Mengenai kitab *Kasyf al-Ghaybiyyah*, beliau menceritakan kitab tersebut pernah diajar di pondok tersebut dan masih diajar sekiranya ada permintaan. Manakala kitab *Tāj al-Muluk* pula jarang diajar. Begitu juga dengan kitab *Bad'u al-Khalq* yang tidak lagi diajar di pondok tersebut. Buat masa ini, beliau masih mengajar kitab *Siyār al-Sālikīn* kepada orang-orang tertentu.

Beliau mengatakan bahawa *Rūh* atau *Nūr Muḥammad* adalah punca أول ما خلق الله العرش kepada kejadian makhluk-makhluk lain. Manakala hadith :

adalah dimaksudkan kepada makhluk berjirim. Pada pandangan beliau, doktrin *Nūr Muḥammad* boleh dinafikan oleh orang awam tetapi ia tidak boleh dinafikan oleh orang-orang yang *khawwāṣ*²⁸⁹.

²⁸⁹ Orang *khawwāṣ* menurut beliau ialah seseorang yang mahir dalam ilmu usuluddin dan tasawuf.

Responden 9 : Ustaz Zawawi Latiff²⁹⁰

Mengenai *Nūr Muḥammad*, beliau mengakui pernah mendengar perkataan tersebut tetapi tidak mengetahuinya secara mendalam. Beliau berpendapat, pada kebiasaannya, mereka yang telah mencapai *maqām ma'rifat* sahaja yang benar-benar mengetahui mengenai *Nūr Muḥammad*. Manakala mereka yang masih berada di *maqām asbāb* pula tidak akan mengetahuinya secara jelas. Walau bagaimanapun beliau percaya bahawa Nur Muhammad adalah satu perkara yang benar dan mesti dipercayai oleh setiap orang Islam.

4.5.2 Penentang Doktrin *Nūr Muḥammad*.

Antara penentang atau orang yang menolak doktrin tersebut ialah sebagaimana berikut :

Responden 1 : Dato' Haji Hasbullah bin Mohd. Hassan.(Mufti Kerajaan Negeri Kelantan)²⁹¹

Pada pandangan beliau, persoalan *Nūr Muḥammad* tidak mempunyai sandaran hadith yang jelas atau sahih dan boleh dipercayai walaupun dikatakan hadith. Oleh itu ia perlu ditolak. Bagi beliau, *Nūr Muḥammad* adalah persoalan

²⁹⁰ Interviu dengan beliau di Maqhad Muhammadi Tumpat, pada hari Selasa, 12 Mac 2002, jam 11.00 pagi. Beliau merupakan seorang guru agama di Sekolah ini. Pernah belajar di Pondok Kandis selama 5 tahun di samping aktif mengajar dan belajar kitab-kitab agama.

²⁹¹ Interviu dengan beliau pada hari Selasa, 12 Februari 2002.

akidah kerana ia berkaitan dengan perbahasan tentang sifat-sifat Nabi Muhammad. Beliau mengemukakan sebuah hadith Nabi :

أول ما خلق الله القلم

Maksudnya :

“ Seawal-awal sesuatu yang diciptakan oleh Allah ialah *al-Qalam*.”

Menurut beliau, hadith ini ternyata adalah hadith saih. Oleh itu doktrin *Nur Muhammad* dengan kisah bahawa ia adalah kejadian Allah yang paling awal adalah tidak boleh diterima.

Responden 2 : Dato' Haji Daud bin Yusoff, (Qadhi Besar Kerajaan Negeri Kelantan.)²⁹²

Menurut beliau, ajaran dan kepercayaan kepada doktrin *Nur Muhammad* adalah merupakan satu perkara yang karut dan tidak boleh diterima sebagai satu ajaran dalam pengajian Islam. Ini adalah kerana ajaran ini tidak berdalil kepada nas-nas yang jelas seperti al-Qur'an dan al-Hadith. Umat Islam sepatutnya menjauhi ajaran dan kepercayaan sebegini kerana ia tidak memberi apa-apa faedah dan kesan kepada pembangunan umat Islam secara keseluruhannya.

²⁹² Temuramah dengan beliau pada 17 April 2001, jam 2.00 petang di pejabat Qadhi, Balai Islam, Lundang.

Responden 3 : Encik Abdul Aziz bin Yusoff (Penolong Pengarah Akidah, Bahagian Penyelidikan, JAKIM.)²⁹³

Nūr Muḥammad merupakan suatu ajaran di dalam Tasawuf *Falsafī* dan *Wahdah al-Wujūd* yang merupakan antara ajaran sesat yang perlu dibanteras oleh semua pihak. Fahaman *Nūr Muḥammad* juga adalah termasuk di dalam ajaran yang tidak berdasarkan dalil yang nyata dan sahih. Justeru itu ia perlu ditolak.

Menurut beliau, Jakim telahpun meminta RTM supaya tidak menyertakan alunan *Nasyid Munājāt* berkaitan *Nūr Muḥammad* yang pernah disiarkan oleh RTM sebelum ini. Baitnya *nasyid munājāt* berkenaan berbunyi :

حسبي ربِّي جلَّ اللهُ مَا فِي قلْبِي غَيْرُ اللهِ نُورُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya:

“Cukuplah bagiku Allah yang Maha Agong, Tiada yang lain di dalam hatiku selain Allah, *Nūr Muḥammad Ṣalla Allāh*.”

Responden 4 : Encik Hasan bin Haji Ramli (Penolong Pengarah Penyelidikan, Jabatan Hal Ehwal Islam Kelantan) (JAHEIK).²⁹⁴

Pada pandangan beliau, *Nūr Muḥammad* tidak boleh dimasukkan dalam persoalan akidah kerana ia bukanlah satu perkara penting di dalam Islam. Bagi

²⁹³ Interviu dengan beliau di pejabatnya di JAKIM, Kuala Lumpur pada 1 Mac 2001, jam 3.00 petang.

²⁹⁴ Interviu dengan beliau di pejabatnya pada hari Isnin, 11 Februari 2002 jam 2.45 petang.

beliau, doktrin *Nūr Muḥammad* yang merupakan kejadian yang awal sebelum diciptakan yang lain dan cerita Nabi Muhammad dijadikan daripada *nūr* adalah tidak betul.

Beliau menegaskan, asal kejadian Nabi Muhammad mestilah sama dengan asal kejadian manusia yang lain kerana tujuan Baginda diutuskan adalah untuk berdakwah kepada manusia yang bersifat sama dengannya. Malahan, tambah beliau lagi, hadith Rasulullah riwayat Jābir adalah suatu hadith *mawdu'*. Menurut beliau, Bahagian Penyelidikan, JAHEIK setakat ini belum ada maklumat tentang sesiapa yang mengajar atau belajar mengenai *Nūr Muḥammad* secara langsung.

Responden 5 : Prof. Dr. Abd. Fatah Haron bin Ibrahim, Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia.²⁹⁵

Pada pandangan beliau, *Nūr Muḥammad* ada kaitan dengan *Haqīqah Muḥammadiyyah* dan *al-Quṭb*. Manakala doktrin *al-Quṭb* pula terpengaruh dengan konsep *Imām* dalam ajaran *Syī'ah Ismā'īliyyah* ataupun *Syī'ah Sab'iyyah*.

Dalam ajaran *Nūr Muḥammad* menurut beliau lagi, mengandungi suatu fakta di mana antara Allah dengan makhluk, ada satu perkara yang dinamakan *Haqīqah Muḥammadiyyah*. Menurut beliau, *Imām* al-Ghazālī di dalam kitabnya *Misykāt al-Anwār* pada halaman 5, 20 dan 21, menggunakan istilah *al-Muqtā'* (orang yang dipatuhi) berdasarkan firman Allah dalam Surah *Al-'Imrān*:

²⁹⁵ Temuramah dengan beliau pada 18 Oktober 2001, di pejabatnya di Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, jam 9.00 pagi.

﴿قُلْ أَطِيعُو اللّٰهَ وَالرّٰسُولُ﴾

Maksudnya :

“Katakanlah (wahai Muhammad), taatlah kamu kepada Allah dan Rasul.”

Surah *Al-'Imrān*(3): 32

Golongan šūfi pula memakai istilah *al-Muṭa'* ini sebagai *al-Quṭb* iaitu penghulu orang-orang šūfi. *Al-Quṭb* pula adalah berkaitan pula dengan konsep *al-Imām al-Ma'sum* di dalam ajaran *Syī'ah Ismā'iiliyyah* dan *Qarāmiyah*. Di samping itu, beliau menambah lagi, ahli falsafah Plato di dalam bukunya '*Uqūl al-'Asyārah* telah menggunakan istilah *al-'Aql al-Awwal* sebagai merujuk kepada *Nūr*.

Beliau berkata, di dalam kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, al-Ghazālī telah mengemukakan hadith : أول ما خلق الله العقل Golongan tasawuf telah mengambil konsep ini dan menganggap bahawa akal adalah *Nūr Muḥammad*. Oleh kerana tasawuf pula dianggap suci oleh masyarakat maka daripada sinilah merebaknya doktrin *Nūr* yang dikatakan sebagai suatu benda yang turun menurun.

Tambahan lagi menurut beliau, doktrin *Nūr Muḥammad* tidak wujud di dalam al-Qur'an dan al-Hadith sahih malah ia termasuk di dalam ajaran sesat. Menurutnya lagi, kebanyakan hadith tentang *Nūr Muḥammad* adalah melalui seorang perawi hadith bernama Dāwud bin Muḥabbir. Dāwud pada asalnya adalah seorang ahli hadith tetapi telah belajar falsafah seterusnya terpesona

dengan ilmu falsafah yang mendewakan akal. Para ulama hadith telah mengecapnya sebagai pendusta dan riwayat daripadanya tidak boleh diterima.

Responden 6 : Prof. Madya Dr. Johari bin Mat. (Pensyarah Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan).²⁹⁶

Nūr Muḥammad adalah termasuk di dalam persoalan kepercayaan dan akidah walaupun ia tidak disebut secara langsung sebagai akidah. Ini adalah kerana, hadith-hadith (sebagaimana yang didakwa) tentang *Nūr Muḥammad* tidak termasuk di dalam persoalan hukum atau akhlak. Malahan di dalam kitab *Siyār al-Sālikīn*, doktrin *Nūr Muḥammad* dimasukkan di dalam Bab Tauhid manakala di dalam ajaran Martabat Tujuh, ia terdapat di dalam *Haqīqah Muḥammadiyyah (Ta'ayyün Thāni)*.

Tambah beliau lagi, kejadian alam adalah suatu perkara yang besar tetapi ia tidak disebut di dalam al-Qur'an sebagai berkaitan dengan *Nūr Muḥammad* sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Hadith sahih mengenainya juga tidak ada. Apa yang ada hanyalah hadith yang tidak sahih. Sedangkan dalam hal ini kita mesti berpegang kepada hadith yang sahih.

Uṣūl 'Aqīdah yang dimaklumi adalah terdiri daripada enam perkara iaitu percaya kepada Allah, Malaikat, Kitab-kitab, Rasul-rasul, Hari Akhirat dan

²⁹⁶ Interviu dengan beliau di pejabatnya di Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, Kelantan pada hari Isnin, 4 Februari 2002, jam 11.30 pagi.

Qadā serta *Qadar*. *Nūr Muḥammad* adalah persoalan akidah kerana ia berkaitan dengan keimanan kepada Allah dan Rasul (yakni beriman kepada Allah yang menciptakan sesuatu dan juga beriman kepada Nabi Muhammad).

Sememangnya wujud percanggahan di antara al-Qur'an dengan doktrin *Nūr Muḥammad*. Cerita-cerita mengenai *Nūr Muḥammad* adalah berkisar tentang perkara-perkara ghayb sedangkan kepercayaan terhadap sesuatu perkara ghayb mestilah berdasarkan sumber atau dalil yang kukuh. Di dalam doktrin *Nūr Muḥammad*, alam ini terjadi daripada peluh. Sedangkan di dalam al-Qur'an, Allah yang mencipta (*khalaq*) alam ini dan bukannya alam ini tercipta (*khuliq*) daripada *Nūr* atau pun sesuatu.

Responden 7 : Dr. Mahmud @ Zakaria bin Daud (Pensyarah Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail, Nilam Puri, Kelantan).²⁹⁷

Dr. Mahmud @ Zakaria bin Daud juga menolak fahaman *Nūr Muḥammad* kerana doktrin ini tidak mempunyai dalil yang terang dan sandaran yang sahih sama ada di dalam al-Qur'an maupun al-Hadith Rasulullah. Sebaliknya, hadith yang sering dijadikan hujah oleh pendokong doktrin ini adalah hadith *mawdu'* yang tiada asasnya. Sedangkan doktrin *Nūr Muḥammad* melibatkan persoalan kepercayaan kepada Allah dan Nabi Muhammad S.A.W.

²⁹⁷ Beliau adalah bekas pensyarah di Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Temuramah dengan beliau pada 6 April 2001, jam 12.00 tengahari di kediamannya, Jalan Pekeling, Kota Bharu.

Menurut beliau, jika diperhatikan dalam kitab-kitab Melayu-Jawi, jalan cerita berkenaan *Nūr Muḥammad* adalah amat bercelaru. Keadaan ini juga adalah satu lagi dalil atau petunjuk bahawa perkara yang berhubungan dengan *Nūr Muḥammad* adalah amat meragukan.

Responden 8 : Tuan Haji Wazir bin Haji Che Awang (Sheikh Pondok Moden, Kandis, Bachok, Kelantan).²⁹⁸

Pada pandangan beliau, *Nūr Muḥammad* tidak boleh diterima mahupun dinafikan terus. Sekiranya doktrin *Nūr Muḥammad* ini hendak diterima, mestilah dengan berdalilkan nas-nas yang sahih. Walau bagaimanapun, beliau tidak berani untuk menafikannya kerana ia satu pegangan yang masyhur di kalangan tok-tok guru, ahli tasawuf dan tok-tok lebai.

Namun, beliau menegaskan bahawa perkara ini tidak pernah diajar mahupun dipelajari semasa menuntut di Mekah malahan tidak pernah terdengar disebut oleh guru-guru beliau. Para guru beliau juga tidak pernah memberi satu penekanan yang khusus berhubung dengan perkara ini dalam kuliah-kuliah mereka. Secara peribadi beliau menyatakan bahawa beliau sendiri belum menjumpai nas dari al-Qur'an mahupun al-Hadith sahih yang menjelaskan

²⁹⁸ Interviu dengan beliau di pejabatnya di Pondok Moden, Kandis, Bachok, Kelantan 10 Januari 2002. Beliau pernah menuntut ilmu di Pakistan selama 12 tahun dan di Mekah selama 10 tahun. Antara gurunya di Mekah ialah Syeikh 'Abd al-Qādir al-Mandili, Syeikh 'Abd al-Karim al-Banjari, Sayyid 'Alwi al-Mālikī, Syeikh Ḥassān Masyāt, 'Abd Allāh al-Lahjī, Ismā'il al-Yamāni, Muhammad 'Iwāq al-Yamāni, Amin al-Syanqītī, Ḥussīn al-Barmawī, Amin al-Qutī dan Syeikh Salīm (*Mudīr Madrasah al-Ša'latīyyah*).

bahawa alam ini terjadi daripada *Nūr Muḥammad* yang menjadi pegangan sesetengah golongan tarekat tasawuf.

Beliau juga menolak persoalan *Nūr Muḥammad* sebagai unsur akidah kerana sekiranya ia adalah perkara akidah, sudah tentu perkara berkenaan dijelaskan oleh Allah S.W.T. di dalam al-Qur'an dan disampaikan oleh Rasulullah melalui sabdanya. Beliau menekankan bahawa akidah adalah satu perkara *yaqīn* dan *qat'ie*, bukannya *zanni*. Perkara *yaqīn* mestilah bersumberkan al-Qur'an dan al-Hadith *mutawātir* (*Dilālāh Qat'iyyah*).

Mengenai persoalan *Nūr Muḥammad* yang dikatakan bersifat *qadīm*, beliau menegaskan bahawa pegangan sedemikian adalah kafir. Manakala cerita-cerita burung merak adalah tidak dapat diterima oleh beliau.

Responden 9 : Tuan Guru Haji Hasyim, Pondok Pasir Tumboh²⁹⁹

Tidak banyak maklumat yang penulis dapati daripada beliau berkenaan *Nūr Muḥammad*. Apabila diajukan tentang persoalan *Nūr Muḥammad*, beliau mengakui pernah mendengar cerita tentang perkara berkenaan tetapi belum menemui hadith yang sahih berkaitan dengannya.

²⁹⁹ Interviu dengan beliau di rumah penulis sendiri di Bachok, Kelantan pada 21 Februari 2002, jam 10.00 malam.

Responden 10 : Abdullah al-Qari Bin Hj. Salleh³⁰⁰

Di awal-awal perbicaraan, beliau menyentuh mengenai istilah “kepercayaan”. Kepercayaan atau akidah mestilah melalui al-Qur'an dan al-Hadith sahih. Hadith-hadith yang berhubung dengan kepercayaan kepada *Nūr Muḥammad* adalah lemah.

Menurut beliau, terdapat dua kumpulan yang percaya kepada doktrin ini iaitu kalangan ahli tasawuf dan *Syī'ah*. Kebanyakan hadith berkaitan *Nūr Muḥammad* adalah berasal daripada perawi golongan *Syī'ah* yang berada di taraf *mawdu'*. Hadith-hadith sedemikian hanyalah bertujuan untuk mengangkat kedudukan Sayyidina Ali r.a. dan keturunannya.

Beliau seterusnya menolak ajaran *Wahdah al-Wujūd* dan kaitannya dengan tarekat serta *Nūr Muḥammad*. Oleh kerana hadith-hadith mengenai *Nūr Muḥammad* adalah lemah maka semua yang ada kaitan dengannya juga adalah tertolak. Beliau juga mengatakan, *Nūr Muḥammad* ada kaitan dengan tarekat kerana bagi ahli tarekat, apabila mereka hendak berwirid mereka mesti menggambarkan (menghadirkan) wajah gurunya. Ini adalah kerana gurunya ada hubungan cahaya dengan Nabi Muhammad secara langsung. Manakala Nabi Muhammad pula ada hubungan cahaya dengan Allah.

³⁰⁰ Temubual dengan Abdullah al-Qari pada hari Sabtu, 7 April 2001 dirumah beliau, di Kubang Kerian, Kelantan.

Berhubung dengan hadith yang bermula dengan “*Awwal ma khalaq Allah*” yang banyak itu sebenarnya tidak bercanggah antara satu sama lain, tapi hadith *Nur Muhammad* tidak termasuk didalam perbincangan kerana ia tidak sahih.

Menurut beliau, makhluk pertama dijadikan Allah ialah *al-Qalam*. Yang dimaksudkan dengan yang pertama ialah bukan susunan nombornya, tetapi peringkat permulaan. Selain itu, fahaman *Nur Muhammad* adalah warisan tradisi yang mesti ditolak kerana ia tidak dibincangkan di dalam kitab-kitab akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* seperti kitab *'Aqidah al-Tahāwiyyah* dan kitab-kitab lain yang muktabar.

Responden 11. Tuan Guru Hj Muhammad Nouruddin Marbu al-Banjari al-Makki³⁰¹

Menurut beliau, ajaran tentang ilmu *Nur Muhammad* tidak termasuk di dalam persoalan akidah yang wajib dipercayai. Begitu juga, tidak menjadi kafir atau menjelaskan akidah bagi orang yang tidak mempercayainya. Beliau

³⁰¹ Berasal dari Amuntai, Kalimantan Selatan. Temuramah pada 14 Oktober 2001, di rumah penulis. Beliau adalah salah seorang guru bagi penulis sendiri. Seorang pendakwah masakini yang aktif mengajar dan menulis kitab-kitab agama, khususnya dalam bahasa Arab. Setakat ini, kitab yang dihasilkan oleh beliau berjumlah tidak kurang daripada 50 buah, kesemuanya dalam bahasa Arab. Pada masa ini beliau membuka kelas pengajian tafaqquh di Derang, Kedah. Mendapat pendidikan di al-Madrasah al-Šaulatiyyah al-Hindiyah, Mekah al-Mukarramah selama 8 tahun (1974-1982). Seterusnya belajar di Universiti al-Azhar dan al-Ma'ahad al-'Āli, Zamālik, Mesir (1982-1990). Beliau banyak mendalami bidang ilmu Hadith, Fiqh serta Usūl Fiqh di samping ilmu-ilmu agama yang lain. Sebahagian daripada guru-guru beliau Syeikh 'Abd al-Karim al-Bukhārī, Sheikh 'Abd Allāh Sa'id al-Lahjī, Sheikh Ismā'il 'Uthmān Zayn al-Yamānī, Sheikh Muḥammad 'Iwād al-Yamānī, Sheikh 'Ali Jād al-Ḥaq, Sheikh Mutawalli Sya'rāwī dan ramai lagi.

menukarkan pendapat seorang ulama Mesir yang pernah diajukan persoalan ini dengan katanya;

علمك به لا ينفع وجهلك به لا يضر

Maksudnya :

“Engkau mengetahui perkara tersebut (*Nūr Muḥammad*) tidak memberi apa-apa faedah, dan engkau tidak mengetahuinya juga tidak memudarangkan (akidahmu).”

Manakala hadith Jābir yang diriwayatkan oleh ‘Abd al-Razzāq adalah hadith *mawdū’*. Guru beliau di Mekah juga tidak menyebut perkara ini. Begitu juga para ulama di Mesir. Menurutnya lagi, persoalan *Nūr Muḥammad* ini hanya masyhur di kalangan masyarakat Melayu di Nusantara ini sahaja. Mengenai hadith *Qudsi* “*Kuntu kanzan makhfiyyan ...*” yang disebut di dalam kitab-kitab itu adalah bukan hadith kerana ianya jelas bertentangan dengan sifat Allah S.W.T. Yang Maha Kaya dari berhajat kepada sesuatu apa pun. Kalau hadith ini diterima bermakna Allah perlu kepada makhluk dan wujud Allah tertakluk kepada wujud sesuatu. Ini adalah suatu yang mustahil bagi Allah.

4.6 KESIMPULAN

Berdasarkan data-data yang diperolehi sama ada menerusi borang-borang soal selidik mahupun sesi-sesi wawancara yang dijalankan, nyatahal bahawa fahaman *Nūr Muḥammad* pernah mempengaruhi malahan pada suatu peringkat, mendominasi pola pemikiran dan mewarnai corak akidah masyarakat Islam di negeri Kelantan.

Setelah meneliti pendapat-pendapat yang diberikan oleh seramai 20 orang responden melalui method wawancara, jelaslah bahawa fahaman *Nūr Muhammad* ini semakin tidak mendapat tempat di kalangan umat Islam di Kelantan. Mereka yang masih mempertahankan fahaman ini kebanyakannya tidak bersandarkan dalil-dalil yang sahih sebaliknya hanya sekadar tidak sanggup menolak karya-karya atau ajaran-ajaran guru-guru yang terdahulu.

Zaman kini adalah zaman maklumat. Setiap orang boleh mendapat maklumat dengan amat mudah manakala sumber maklumat pula amat tidak terbatas. Kitab-kitab tafsir, hadith dan lain-lain jenis kitab boleh diperolehi dengan begitu mudah samada dalam bentuk penulisan buku-buku ataupun cakera padat (*CD Rom*). Para penuntut pula membuat penyelidikan demi penyelidikan yang menyebabkan mereka amat sensitif kepada sebarang unsur yang mampu merosakkan kesucian Islam.

Pada waktu dahulu para penuntut menyerahkan seluruh kepercayaan terhadap tok guru yang mengajar dan menyalin apa sahaja yang disebut oleh guru mereka. Hanya sedikit sahaja daripada mereka yang berupaya untuk merujukkan pengajaran tersebut kepada kitab-kitab tafsir dan kitab-kitab hadith yang muktabar.

Kenyataan penulis ini bukanlah dibuat secara melulu. Penulis tidak berniat untuk memperlekehkan jauh sekali menghina para ulama terdahulu. Sumbangan mereka dalam bidang tauhid, fiqh dan tasawuf sememangnya tidak

mampu dinafikan sepanjang zaman. Namun sebagai pencinta kebenaran dan pendokong kesucian *risālah* Rasulullah S.A.W., segala pengajaran yang benar wajiblah diterima manakala sebarang fakta yang tidak menepati al-Qur'an dan al-Sunnah wajar ditolak tanpa kompromi.

Walau bagaimanapun, pada masa kini pegangan kepada fahaman berkenaan tidak lagi meluas sama ada dari segi aktiviti pengajian, pengajaran mahupun perbincangan ilmiah oleh para pendokong fahaman ini. Walaupun masih terdapat segelintir tenaga pengajar mahupun individu-individu tertentu yang masih mempercayai dan berpegang kepada fahaman ini di negeri ini, namun jumlah mereka semakin berkurangan dari semasa ke semasa.

Secara umumnya, para pendidik tradisional atau pondok masih berpegang kepada fahaman ini. Namun begitu, beberapa tokoh ilmuan, sarjana Islam malah pihak berkuasa Islam yang berautoriti telah menyatakan pandangan dan pendirian mereka yang jelas menentang fahaman yang mengelirukan pemikiran umat Islam ini.